# PANGSA PPR AMPANGAN



Pangsa PPR Ampangan terletak di Jalan Permatang Pauh, Ampang Jajar, Seberang Perai Tengah. Ia mula beroperasi dan dibuka untuk sewaan pada 1 Jun 2006. PPR ini mempunyai 10 tingkat yang terdiri daripada 250 unit kediaman, dua buah kiosk perniagaan, sebuah bilik pengurusan, sebuah dewan orang ramai dan sebuah surau. Selain itu turut disediakan tempat parkir kereta serta motosikal, taman rekreasi yang terdiri daripada taman rekreasi yang disediakan adalah dua unit wakaf, satu unit tapak refleksologi dan empat *outdoor gym.*

# PERATURAN KEDIAMAN (HOUSE RULES) PANGSA PPR AMPANGAN

*~ Ke arah mewujudkan satu kejiranan yang aman, selamat dan bersih untuk diduduki ~*

1. **TIDAK ingkar untuk membayar sewa sepertimana yang disyaratkan di dalam perjanjian sewaan.**
2. **TIDAK menyewakan unit yang disewa daripada MBSP kepada orang lain.**
3. **TIDAK membuat bising yang boleh mengganggu ketenteraman orang lain.**
4. **TIDAK menyinggung perasaan penghuni lain.**
5. **TIDAK menjemur pakaian di balkoni dan di kaki lima.**
6. **TIDAK membuang sampah di hadapan rumah, di kaki lima, di tangga atau di dalam lif.**
7. **TIDAK melontar sampah keluar melalui balkoni atau tingkap.**
8. **TIDAK meletakkan kenderaan di kawasan yang tidak dibenarkan.**
9. **TIDAK boleh memasang pendingin udara.**
10. **TIDAK boleh memasang Astro.**
11. **TIDAK memelihara binatang peliharaan atau ternakan.**
12. **TIDAK melakukan perbuatan vandalisme seperti merosakkan harta awam.**
13. **TIDAK membuang air kecil atau air besar di kawasan bersama (contohnya di dalam lif, tangga, kaki lima, longkang dan lain-lain).**
14. **TIDAK mengecat dinding rumah dengan warna lain selain warna asal.**
15. **TIDAK melakukan perbuatan yang tidak bermoral, tidak bermaruah, jenayah atau melanggar mana-mana undang-undang di Malaysia.**

*...Sambungan di sebelah*

# PERATURAN KEDIAMAN (HOUSE RULES) PANGSA PPR AMPANGAN

*~ Ke arah mewujudkan satu kejiranan yang aman, selamat dan bersih untuk diduduki ~*

16. **TIDAK menconteng dinding bangunan.**
17. **TIDAK dibenarkan membaiki apa-apa kenderaan di kawasan Pangsa PPR Ampangan.**
18. **TIDAK dibenarkan menjaja di sekitar kawasan Pangsa PPR Ampangan selain daripada tapak yang dibenarkan oleh MBSP.**
19. **TIDAK berkumpul secara berkumpulan selepas jam 11.00 malam.**
20. **TIDAK bergaduh sesama jiran.**
21. **TIDAK membakar sampah.**
22. **TIDAK mengetuk dinding atau lantai kecuali bagi kerja-kerja pembaikan.**
23. **TIDAK membenarkan penghuni yang tidak berdaftar dengan MBSP menduduki unit.**
24. **TIDAK menyimpan barangan kitar semula di kawasan bersama PPR.**
25. **TIDAK meludah di dalam lif atau lantai di kaki lima kawasan bersama PPR.**
26. **TIDAK membawa orang luar melepak di dalam kawasan PPR ini.**
27. **TIDAK meletakkan lori / bas di kawasan meletak kenderaan di kawasan PPR ini.**